

**KENYATAAN SEBUTHARGA**  
**(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Sebutharga adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan CIDB dan PKK, memegang **Sijil Perakuan Pendaftaran, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan dan Sijil Taraf Bumiputera** di **Negeri Pulau Pinang** sahaja dan masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini, bagi kerja-kerja berikut :-

(i)	<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>PERDA/BHT/S/10/2022</b>
(ii)	<b>TAJUK SEBUTHARGA</b>	<b>KERJA-KERJA NAIKTARAF BANGUNAN SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN DI KOMPLEKS PERDA FOOD PARK, KUBANG MENERONG, SEBERANG PERAI UTARA, PULAU PINANG.</b>
(iii)	<b>KELAYAKAN</b>	<b>Gred G2 : Kategori CE:- Pengkhususan CE21</b>
(iv)	<b>TARIKH &amp; MASA MUAT NAIK DOKUMEN DAN SPESIFIKASI KERJA</b>	<b>23 MEI 2022 (10.00 PAGI, ISNIN)</b> hingga <b>30 MEI 2022 (5.00 PETANG, ISNIN)</b>
(v)	<b>TARIKH TUTUP SEBUTHARGA</b>	<b>1 JUN 2022 (RABU)</b>

2. Kontraktor perlu mendaftar dengan pihak PERDA dan melengkapkan profil syarikat dengan melayari [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my) pada bila-bila masa sebelum menyertai sebarang sebutharga PERDA. Sila rujuk **PANDUAN PENGGUNAAN SISTEM PEROLEHAN PERDA** di dalam laman web tersebut. Kontraktor perlu mengimbas dan memuat naik dokumen wajib yang masih sah semasa pendaftaran dan perlu mengemaskini dari semasa ke semasa.

3. Kepada syarikat yang berminat untuk menyertai sebutharga di atas, pendaftaran sebutharga boleh dilakukan dengan melayari [perolehan.perda.gov.my](http://perolehan.perda.gov.my). Kontraktor yang memenuhi syarat-syarat kelayakan boleh **memuat turun dan mencetak** sendiri kesemua dokumen **wajib** bermula dari tarikh **23 MEI 2022 (10.00 pagi)** hingga **30 MEI 2022 (5.00 petang)** Lawatan tapak adalah tidak diwajibkan. Walaubagaimanapun, kontraktor boleh melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan dengan mengamalkan SOP yang telah ditetapkan. Senarai dokumen **wajib** yang perlu dimuatnaik dan dihantar adalah seperti berikut.

- i. Dokumen Sebutharga (termasuk segala dokumen wajib yang dinyatakan di dalam dokumen ini)
- ii. Spesifikasi Kerja
- iii. Surat Pengesahan Pendaftaran PERDA

4. Dokumen dan spesifikasi kerja yang lengkap diisi dan dilakri serta ditulis No. Sebutharga dan Tajuk Sebutharga di sudut atas sampul surat, hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebutharga di **Tingkat 5, Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang, No. 1, Lorong Kampung Gajah 2, Jalan Kampung Gajah, 12200 Butterworth** pada **1 JUN 2022 sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari**. (Tertakluk Arahan Semasa PPN)

5. PERDA tidak akan terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.